

Berkongsi ilmu dengan universiti antarabangsa

→ Gabungan bidang sains, seni menjadi fokus pada masa hadapan

Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin khairul.anam@bh.com.my

► Shah Alam

Penganjuran The 10th Distinguished Tun Abdul Razak Lecture yang diadakan di Pusat Konvensyen Sime Darby, baru-baru ini menjadi platform kemuncak bagi meraihkan hubungan baik antara Universiti Ohio dengan Malaysia.

Program berprestij itu adalah hasil kerjasama antara Kementerian Pendidikan (KPM), Universiti Ohio, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Yayasan Sime Darby (YSD).

Bertemakan *Synergy Of Curiosity: From Acid To Art*, acara berkenaan turut menampilkan perkongsian



perbincangan daripada ahli akademik tersohor Universiti Ohio, iaitu John Sabraw serta Guy Riefler.

Topik yang diketengahkan antaranya membabitkan kejayaan mereka dalam penyelidikan menghasilkan pigmen warna dari sumber air tercemar yang diasingkan melalui proses pengasingan bahan toksin.

Timbalan Naib Cansel-

lor (Akademik dan Antarabangsa) UiTM, Prof Dr Mohamad Kamal Harun, berkata program penerokaan ilmu itu, sekali gus dapat mewujudkan pengetahuan baharu yang terhasil daripada gabungan ilmu seni, sains serta kelestarian alam sekitar.

Menghasilkan inovasi

"Program kerjasama dengan



Antara karya yang dihasilkan peserta yang mengikuti Bengkel From Acid to Art.

Prof Emeritus Datuk Dr Hassan (tengah) dan Prof Dr Kamal (kiri sekali) bergambar kenangan bersama-sama delegasi dari Universiti Ohio di Bangunan Canselor UiTM, baru-baru ini.

seterusnya berjaya mengumpulkan hasil jualan sejumlah RM12,950.

Semua hasil jualan lukisan berkenaan disampaikan Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said kepada Pengurus Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM), Feilina Datuk Mohammad Feisol di Bangunan Canselor UiTM, baru-baru ini.

Universiti Ohio yang ditubuhkan sejak tahun 1980 itu mampu memberi peluang kepada kedua-dua negara berkongsi pengetahuan masing-masing mengenai sejarah, budaya, ekonomi, sosial, politik dan inovasi secara menyeluruh.

"UiTM melihat aktiviti membabitkan gabungan bidang sains dan seni antara elemen yang menjadi fokus

serta tumpuan pada masa hadapan, bahkan dapat diterjemahkan menerusi pelbagai projek yang dilaksana serta mampu menghasilkan inovasi," katanya kepada BH Varsiti, baru-baru ini.

Pada acara itu, sebanyak 62 karya lukisan pelajar dihasilkan masing-masing 42 dari UiTM dan 20 dari Universiti Taylor's dipamer serta dijual secara serentak